

B 8481 DEB

MAHATHIR-KEMELESATAN

KUCHING, 10 APRIL (BERNAMA) -- PERDANA MENTERI DATUK SERI DR MAHATHIR MOHAMAD MENGGESA RAKYAT SUPAYA MEMPERBAHARUI TEKAD BAGI MENGHADAPI KESAN KEMELESATAN EKONOMI.

KATANYA PEMBAHARUAN TEKAD ITU DAPAT MENJAMIN KEJAYAAN USAHA DAN RANCANGAN YANG DIATUR BAGI MENGATASI KEKURANGAN PENDAPATAN NEGARA AKIBAT KEMELESATAN.

DATUK SERI DR MAHATHIR BERKATA DEMIKIAN PADA PERHIMPUNAN DI PADANG SENTRAL DI SINI HARI INI SEMPENA LAWATAN RASMINYA DUA HARI KE SARAWAK.

MENURUT PERDANA MENTERI SESUATU MASALAH TIDAK DAPAT DIATASI SEANDAINYA RAKYAT HANYA MENGELUH DAN TIDAK MENGAMBIL LANGKAH YANG POSITIF BAGI MENGUBAH KEADAANNYA.

+OLEH KERANA ITULAH PENEKANAN TERHADAP SIKAP BERDISIPLIN, AMANAH, BERSIH DAN CEKAP AMAT PERLU DALAM USAHA MENGATASI MASALAH-MASALAH YANG SEDANG DIHADAPI,+ KATANYA. - LAGI .
1827MST 10 04 86

B 8483 DEB

MAHATHIR-KEMELESATAN 2 KUCHING

TANPA DISIPLIN SESUATU KERJA ATAU USAHA ITU MUSTAHIL DAPAT DILAKSANAKAN DENGAN BERKESAN, KATANYA.

DALAM MENGHADAPI KESAN-KESAN KEMELESATAN EKONOMI, PERDANA MENTERI MENGGESA RAKYAT SUPAYA MENGATUR DAN MENYUSUN LANGKAH-LANGKAH BARU.

KETERTIBAN DALAM MENGATUR SESUATU RANCANGAN DAN TINDAKAN KE ARAH ITU AMAT PERLU BAGI MENJAMIN KEBERKESANAN USAHA ITU, KATANYA.

DATUK SERI DR MAHATHIR BERIKRAR BAHAWA KERAJAAN AKAN BERUSAHA UNTUK MENYEDIAKAN SEMUA KEMUDAHAN ASAS KEPADA SETIAP RAKYAT DI SEGENAP PELUSUK TANAH AIR.

BAGAIMANAPUN, AKIBAT KEMELESATAN EKONOMI KINI RAKYAT HARUS BERSABAR SEBELUM KEMUDAHAN-KEMUDAHAN ITU DAPAT DISEDIAKAN.

NAMUN DEMIKIAN, PERDANA MENTERI YAKIN SETIAP YANG DIRANCANGKAN ITU DAPAT DILAKSANAKAN JIKA RAKYAT BERSABAR DAN MEMAHAMI KEADAAN YANG DIHADAPI OLEH KERAJAAN. -- LAGI.

1829MST 10 04 86

B 8484 DEB

MAHATHIR-KEMELESATAN 3 KUCHING

PERDANA MENTERI BERKATA FAKTOR YANG PENTING DALAM MENENTUKAN RANCANGAN-RANCANGAN ITU DAPAT DIJALANKAN DENGAN LICIN DAN BERKESAN TERLALU SIKAP KERJASAMA, KEAMANAN DAN KESTABILAN POLITIK DI NEGARA INI.

OLEH ITU, SETIAP RAKYAT PERLU MENGUTAMAKAN ASPEK-ASPEK BERKENAAN UNTUK MEWUJUDKAN SEBUAH NEGARA YANG MAKMUR, AMAN DAN DIHORMATI.

DENGAN YANG DEMIKIAN SETIAP RAKYAT PERLU MEMAINKAN PERANAN Masing-masing BERSAMA KERAJAAN UNTUK MENJAMIN KEJAYAAN SESUATU RANCANGAN SERTA MEWUJUDKAN SUASANA YANG POSITIF KE ARAH MEMBAWA NEGARA KEPADA MERCU KEJAYAAN DAN TAHAP YANG DIBANGGAKAN, KATANYA.

KEFAHAMAN DAN KESEDARAN SEMUA PIHAK DAN SIKAP TOLAK ANSUR SESAMA SENDIRI AMAT PENTING DALAM MENENTUKAN KEBERKESANAN MATLAMAT YANG DICITA-CITAKAN, KATANYA. -- BERNAMA.

1831MST 10 04 86